

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KE EMPAT BELAS

---

**PERTANYAAN** : **BUKAN LISAN / BERTULIS**

**DARIPADA** : **TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH  
[ PAYA BESAR ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan strategi Kerajaan untuk memperkasa koperasi FELDA dan bagaimana generasi muda FELDA boleh berperanan dan memperoleh berbagai manfaat hasil aktiviti koperasi tersebut.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Koperasi Rancangan FELDA yang diperkenalkan oleh Kerajaan sejak tahun enam puluhan sehingga kini telah melalui fasa kemajuan daripada aktiviti tradisi perladangan seperti pengangkutan buah kelapa sawit tandan baru (BTB), kontrak pembersihan ladang dan kontrak pembinaan infrastruktur kepada menjalankan pelbagai aktiviti komersial seperti pemasaran getah dan kelapa sawit, operasi stesen minyak, perniagaan pasar raya, pasar mini dan *outlet* runcit.
2. Beberapa penekanan baharu telah dikenal pasti antaranya peranan koperasi sebagai '*anchor*' dalam Program Inisiatif Ekonomi Tambahan Peneroka (IETP), Kerjasama strategik perniagaan bersama syarikat luar seperti Delima Oil Product Sdn. Bhd. (DOP) dan MSM Malaysia Holdings Berhad
3. Melalui pembentangan Kertas Putih FELDA, kaedah pengurusan ladang akan diperbaharui melalui penglibatan aktif koperasi. Aktiviti

pengurusan ladang peneroka akan melibatkan koperasi untuk dilaksanakan secara berskala besar dan lebih ekonomik. Penglibatan koperasi akan dipertingkat dalam mengurus dan mengendalikan aktiviti pengurusan ladang serta pembangunan sosio ekonomi peneroka. Ini membolehkan peneroka menerima pendapatan lebih konsisten melalui bayaran sewa tanah serta dividen daripada keuntungan koperasi.

4. Koperasi di setiap rancangan FELDA akan diperkasa bagi meningkatkan penglibatan peneroka dan generasi baharu dalam pengurusan, pelaburan dan perniagaan yang diusahakan oleh FELDA. Mereka akan diberi peluang pemilikan saham dalam koperasi supaya dapat memainkan peranan yang lebih signifikan. Melalui sistem ini, FELDA juga akan melahirkan lebih ramai peladang professional yang dapat menyumbang kepada kemajuan warga FELDA.

Sekian, terima kasih.